

Siri jelajah beri kesadaran
isu gangguan seksual

KPWKM, NGO turun ke lapangan perjas takrifan sebenar RUU Antigangguan Seksual 2021

Oleh Latifah Arifin
latifah@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) akan mengadakan jelajah dalam usaha memberikan pemahaman dan menggerakkan kesedaran masyarakat mengenai Rang Undang-Undang Antigangguan Seksual 2021 (RUU AGS).

Menternya, Datuk Seri Rina Harun, berkata RUU AGS yang juga akta pertama di negara ini yang menyediakan perlindungan khusus membabitkan isu gangguan seksual, mesti diketahui secara terperinci, khususnya dalam kalangan wanita.

"RUU AGS ini bukan sekadar untuk menghukum, tetapi kita mahu tumbuhkan kesedaran masyarakat bahawa gangguan seksual ini tidak sekali-kali harus dinormalisasi.

"Ini bukan satu budaya dan ia tak harus dianggap remeh, perkara kecil atau tidak penting. Apabila RUU ini diperkenal, secara tidak langsung tujuannya untuk memberikan persekitaran yang lebih selamat terutama kepada wanita, bukan sahaja di tempat kerja tetapi di tempat



Rina (tengah) bersama Maziah dan Choon Hwa selepas Sesi Penerangan RUU AGS Menteri Bersama Media di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Fariz Iswadi Ismail/BH)

awam," katanya selepas Sesi Penerangan RUU AGS Menteri Bersama Media, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha, Datuk Dr Maziah Che Yusoff dan Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik), Chua Choon Hwa.

RUU hawa perubahan

Mengulas lanjut mengenai jelajah yang akan diadakan, Rina berkata, KPWKM bersama pertubuhan bukan kerajaan (NGO) akan turun ke lapangan untuk memberi kesedaran mengenai takrifan sebenar gangguan seksual dan tindakan boleh diambil bagi mencegah serta melindungi diri.

Katanya, berdasarkan kajian yang dijalankan KPWKM pada 2018, sekitar 80 peratus mangsa

yang mengalami gangguan seksual tidak membuat laporan atas pelbagai sebab, antaranya fobia, malu dan trauma.

"Apabila bacaan RUU ini dibuat kali pertama di Dewan Rakyat, KPWKM mendapatkan pandangan orang awam mengenai RUU ini dan maklum balas yang diterima, 80 peratus bersedia untuk tampil ke depan membuat laporan kepada tribunal pada masa depan.

"Jadi, kita nampak ada perbezaan. Mereka lebih berani untuk tampil. Kami juga ingin menumbuhkan kesedaran gangguan seksual juga boleh berlaku kepada lelaki, cuma majoriti mangsa ialah wanita," katanya.

Menyentuh perkembangan terkini RUU AGS, Rina berkata, ia akan dibawa untuk bacaan

kali kedua dan ketiga di Dewan Negara pada Ogos ini, sebelum diluluskan dan diperkenan oleh Yang Di-Pertuan Agong.

Beliau berkata, RUU AGS akan dikuatkuasakan secara berperingkat menerusi beberapa fasa, pendekatan awal dengan menjalankan advokasi melalui program kesedaran awam mengenai isu gangguan seksual.

Selain itu, penubuhan satu tribunal yang diberi kuasa untuk mendengar dan menentukan kes gangguan seksual yang diterima menerusi aduan masyarakat.

"Kita dalam proses pertama untuk RUU AGS ini diluluskan, kedua, penubuhan tribunal yang turut membabitkan banyak perkara termasuk perjawatan baharu daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)," katanya.